

POTENSI KONFLIK DI ANTARA PEGANGAN ISLAM DAN IDENTITI SEKSUAL: SIMPTOM PSIKOLOGIKAL DALAM KALANGAN MAK NYAH

Nasrudin Subhi · Mohd Suhaimi Mohamad · Lokman Hamid

Terbitan atas talian: 1 Jun 2013

© Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, 2013

Abstrak Islam seperti agama-agama Samawi yang lain menganggap mak nyah sebagai suatu yang bertentangan dengan ajaran agama. Oleh yang demikian, dijangkakan golongan mak nyah menghadapi cabaran yang hebat untuk mengimbangi identiti seksual yang mereka bawa dengan kepercayaan agama yang mereka pegang. Satu kajian kes berbentuk kualitatif dilakukan melalui satu kumpulan fokus bersama empat orang mak nyah beragama Islam. Artikel ini bertujuan meneroka simptom-simptom psikologikal yang dihadapi oleh mak nyah apabila berhadapan potensi konflik di antara pertembungan identiti seksual dengan pegangan agama mereka. Keputusan kajian mendapati walaupun rata-rata kesemua responden mengalami tekanan akibat konflik yang mereka alami namun ia tidak sampai ke tahap yang menjejaskan kesejahteraan psikologikal. Sebaliknya kajian ini menemui empat faktor ketahanan diri iaitu pendidikan, asas agama yang baik, sokongan kawan-kawan dan penerimaan keluarga yang bersifat sebagai faktor pelindung dalam menjaga kesejahteraan para responden. Implikasi dan saranan kepada kaunselor juga imam/pentadbir agama turut dicadangkan bagi menguruskan kes-kes mak nyah yang terkesan akibat konflik ini.

Kata Kunci Mak Nyah · Konflik Keagamaan · Identiti Seksual · Kajian Fokus · Kualitatif

Abstract Islam as other divinely religion believed transgender as against the religious teaching. Thus, transgender is perceived to encounter extensive challenges managing their sexual identity and religious belief. A qualitative study was conducted through a focus group with four Muslim transgender. This article aims to explore psychological symptoms when faced with potential conflict between their sexual identity and their religious belief. Research finding found that all respondents experience stress from the conflict, however, it was not to the level that would disrupt their psychological well-being. On the other hand, this

study found four resilience factors comprised of education, good religious foundation, friends' support and family's acceptance which acted as protective factor in maintaining respondents' well-being. Implications and recommendations for counsellors and iman/ religious administrator are given to assist them in dealing with cases on transgender who is affected by the conflict.

Keywords Transgender · Religious Conflict · Sexual Identity · Focus Study · Qualitative

Pengenalan

Fenomena mengenai mak nyah di Malaysia kembali rancak diperkatakan kebelakangan ini apabila timbul nama seperti Aleesya Farhana dan Natasya Farisya dalam media massa. Aleesya Farhana atau nama sebenarnya Mohd Ashraf Hafiz Abdul Aziz, berusia 25 tahun telah gagal dalam permohonannya untuk menukar nama dalam myKad daripada Mohd Ashraf Hafiz Abdul Aziz kepada Aleesya Farhana Abdul Aziz di Mahkamah Tinggi Terengganu Rentetan kegagalan tersebut Mohd Ashraf Hafiz telah dilanda kemurungan yang melampau sehingga akhirnya beliau telah meninggal dunia akibat masalah jantung dan tekanan darah rendah (berita harian Julai, 2011).

Tidak lama kemudian, kes mak nyah yang menggelarkan dirinya sebagai Natasya Farisya atau nama sebenarnya Tabri Rashid Abu Hassan, 28 tahun, menjadi sensasi apabila beliau dikaitkan sebagai teman istimewa pemuda bernama Mohd Hafizuddin Johari, 20 tahun, yang menjadi mangsa simbahan asid di Perlis angkara cemburu dan dendam. Tabri Rashid telah dua kali telah ditangkap oleh Jabatan Agama

Nasrudin Subhi (✉) · Suhaimi Mohamad
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email : nas2572@ukm.my

Lokman Hamid
Jabatan Kebajikan Masyarakat (Daerah Jelebu)

Islam Perlis (JAIP) pada 2007 dan 2010 kerana menyalahi Seksyen 7 Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1991 kerana berpakaian wanita. Setelah kesnya menjadi sensasi beliau turut dinasihatkan oleh Puan Yah, ibu kepada Mohd Ashraf Hafiz, untuk berubah, “Masih belum terlambat untuk dia kembali ke pangkal jalan dan berubah... Tidak ada untung apa pun mereka yang menjadi pondan.” (berita harian Julai, 2011).

Persoalannya di sini ialah “Adakah fenomena mak nyah ini berkait langsung dengan genetik?” Jawapan yang biasa kita dengar daripada mak nyah sendiri ialah naluri keperempunaan ini bukanlah suatu yang dibuat-buat walaupun ada di antara mereka mengakui bahawa corak didikan oleh ibu bapa turut memberi penegasan terhadap identiti diri mereka kini. Apa yang dimaksudkan di sini ialah adakalanya ibu bapa melayan anak-anak ini sebagai seorang perempuan dengan mengenakan pakaian-pakaian perempuan, memupuk peranan perempuan melalui tugas-tugas seharian seperti menyapu, memasak, melipat baju dan tidak melarang anak-anak mereka bermain permainan yang berunsur keperempunaan. Dalam masa yang sama, Malpas (2011) menegaskan bahawa ahli klinikal perlu menerima ketidak patuhan gender sebagai suatu bentuk ekspresi manusia yang normal serta akur bahawa untuk meramal masa depan kanak-kanak yang mengalami ketidakpatuhan gender sebagai suatu yang hampir mustahil. Beliau turut menegaskan kepentingan peranan ibu bapa dalam menerima personaliti anak-anak mereka yang mengalami ketidak patuhan gender serta pilihan yang mereka ambil. Dalam kata lain, ibu bapa bukanlah sebagai pendorong kepada pembentukan ketidak patuhan gender dan juga bukan ke arah mengubah personaliti kanak-kanak ini. Penelitian terhadap kajian-kajian lampau mendapati bahawa (1) sebahagian besar kanak-kanak yang mengalami ketidak patuhan gender berkemungkinan menjadi gay atau lesbian; (2) sebahagian kanak-kanak meneruskan identifikasi silang gender di usia remaja dan dewasa; (3) ketidak patuhan gender ini akan pudar dan kanak-kanak ini membesar menjadi heteroseksual; (4) sebahagian lain akan terus kekal dengan identiti asal sebagai heteroseksual (Malpas, 2011).

Bersandarkan kepada kes Aleesya Farhana dan Natasya Farisya, boleh disimpulkan bahawa bagi mereka yang beridentifikasi sebagai mak nyah mempunyai kehidupan seharian yang lebih berisiko. Mereka sering kali menerima tekanan dan cemuhan daripada masyarakat sekitar. Norton dan Herek (2012) dalam kajiannya ke atas 2,281 individu heteroseksual lelaki dan perempuan di Amerika Syarikat mendapati bahawa sikap negatif terhadap golongan transgender masih kuat malah lebih tinggi berbanding sikap negatif terhadap golongan seksual minoriti yang lain seperti gay, lesbian dan biseksual. Norton dan Herek (2012)

turut mendapati bahawa lelaki heteroseksual mempunyai sikap negatif lebih tinggi berbanding wanita heteroseksual di mana sikap negatif ini didapati mempunyai korelasi signifikan dengan *psychological authoritarianism* yang lebih tinggi, *political conservatism* dan *anti-egalitarianism* serta keagamaan (bagi wanita). Di samping itu, sejarah telah membuktikan bahawa agama Samawi sememangnya menolak gaya hidup lesbian, biseksual, gay dan transeksual (LGBT). Kajian oleh Henrickson (2007) ke atas 2,269 LGB di New Zealand mendapati bahawa ramai di antara mereka telah keluar daripada agama asal sebagai seorang Kristian dengan alasan agama lebih banyak mendatangkan kesusahan daripada sokongan dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat Islam pula, isu murtad adalah suatu yang amat sensitif dan amat jarang dibincangkan secara terbuka. Tidak dinafikan mungkin wujud kes terencil di mana seseorang beragama Islam menjadi murtad kerana ingin memilih gaya hidup sebagai seorang mak nyah tanpa sebarang halangan agama kerana rata-rata umumnya masyarakat Islam seluruh dunia menolak gaya hidup LGBT.

Selain tekanan persekitaran, golongan mak nyah juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai persoalan dalaman akibat mempunyai naluri yang di anggap berbeza daripada golongan lelaki normal. Banyak kajian telah membuktikan bahawa golongan muda LGBT mempunyai kecenderungan lebih tinggi terhadap masalah kesihatan mental, kecelaruan psikologi dan cubaan bunuh diri berbanding golongan muda dalam kalangan heteroseksual (Kelleher, 2009; Mustanski, Garofalo & Emerson, 2010). Konflik dalaman ini kebiasaannya akan bertambah sekiranya mereka ini daripada latar belakang beragama – mereka mengakui agama dan identiti seksual sebagai komponen penting dalam kehidupan di mana meninggalkan salah satunya berupaya memincangkan kehidupan (Subhi & Geelan, 2012; Subhi et al., 2011). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah simptom-simptom psikologi yang dialami oleh golongan mak nyah akibat daripada konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual yang mereka dokong.

Metod

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan pendekatan kumpulan fokus. Para peserta kajian telah dikenal pasti dengan bantuan saudara Lokman yang bertindak sebagai *gate keeper* melalui pengalaman kerja beliau yang luas di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada asalnya jemputan telah dipanjangkan kepada enam orang responden yang telah mengidentifikasi diri mereka sendiri sebagai mak nyah. Walau bagaimanapun, hanya seramai

empat orang responden sahaja yang telah hadir untuk melakukan temu bual. Purata umur responden adalah 29.75 tahun. Kesemua responden berbangsa Melayu dan beragama Islam serta mempunyai pekerjaan tetap. Seramai tiga daripada empat responden mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda manakala seorang lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Tiga daripada empat responden mengaku bujang manakala seorang menyatakan telah berpasangan namun tidak tinggal bersama.

Temu bual telah dilakukan pada petang hari Sabtu. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah sekali lagi menerangkan berkenaan kajian yang dijalankan berdasarkan maklumat awal yang kesemua responden telah terima melalui e-mel masing-masing. Segala persoalan berbangkit telah dijawab oleh pengkaji mengikut kehendak para responden. Kemudian kesemua responden diminta untuk menandatangani borang persetujuan termaklum dan juga mengisi borang demografi ringkas. Temu bual terpaksa dilakukan di dua tempat berasingan. Hal ini terjadi disebabkan kesemua responden tiba lewat daripada waktu yang dijanjikan. Memandangkan temu bual telah dijalankan di bulan Ramadan maka pengkaji dengan persetujuan kesemua responden telah menangguhkan sesi temu bual pertama untuk memberi laluan kepada semua untuk berbuka puasa. Sesi temu bual pertama telah dilakukan di Unit Khidmat Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia manakala sesi temu bual kedua pula telah dilakukan di sebuah gazebo di dalam premis Hotel Residence UNITEN. Dalam penentuan tempat bagi melakukan sesi temu bual pengkaji telah mengambil kira ciri kondusif dan terapeutik yang berupaya memberikan keselesaan pada responden untuk kongsi cerita dan pengalaman masing-masing. Keseluruhan temu bual mengambil masa sekitar tiga jam dan rakaman telah dibuat dengan persetujuan kesemua responden.

Kajian ini telah menggunakan analisis tema seperti yang telah digariskan oleh Braun dan Clarke (2001) dan Boyatzis (1998) dalam usaha untuk mencari jawapan terhadap persoalan yang telah dikemukakan. Analisis tema adalah satu kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis serta melapor tema-tema dalam penemuan kajian. Penggunaan temu bual separa berstruktur membolehkan pengkaji meneroka persoalan yang hendak dikaji. Dalam masa yang sama kaedah temu bual ini membiarkan tema-tema timbul tanpa sebarang penetapan awal berhubung pembentukan tema penting

Keputusan

Dapatan kajian tidak menyokong jangkaan awal yang telah dibuat berdasarkan dapatan kajian lepas yang menyatakan golongan mak nyah akan berdepan dengan

konflik diri yang berupaya mengakibatkan kemurungan, rasa bersalah/ menyalahkan diri sendiri, kerisauan, pernah terfikir untuk membunuh diri dan pengasingan. Walaupun kesemua responden mengakui bahawa mereka pernah melalui tahap di mana mereka merasa tertekan akibat daripada konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual namun tekanan ini tidak sampai ke tahap yang berupaya memudaratkan kesejahteraan diri mereka sebagai individu dan keimanan mereka terhadap Islam. Sebagai contoh, Julia (nama samaran) menyatakan beliau tidak pernah hendak menyalahkan takdir di atas identiti dirinya sebagai seorang mak nyah, namun ada ketika bertanya, ““Kenapa aku? Kenapa tidak diciptakan seorang lelaki?”” tertanya tetapi bukan menyalahkan... tetapi tertanya, kenapa kita?” Walau bagaimanapun sekarang beliau telah dapat menerima hakikat yang beliau seorang mak nyah. Julia bersyukur dengan keadaan dirinya sekarang dan beranggapan ada lebih ramai lagi masyarakat yang malang berbanding dirinya. Dalam masa yang sama, cuma Nurul sahaja yang mengakui bahawa beliau pernah terfikir sampai ke tahap hendak bunuh diri akibat daripada tekanan yang dialami di antara kepercayaan Islam dan identiti seksualnya di mana pada satu tahap beliau merasakan doanya tidak didengari oleh Allah, “...macam I... I pernahlah rasa macam tu. Tapi tak lah sampai nak bunuh diri. Cuma pernah terfikirlah...” Namun disebabkan beliau mempunyai asas agama yang baik, fikiran-fikiran negatif sebegini tidak mendapat ruang untuk berkembang ke tahap yang memudaratkan.

Sebaliknya, apa yang lebih menarik, kajian ini menemui empat faktor asas yang bersifat melindungi para responden apabila berhadapan dengan konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual yang mereka alami. Keempat-empat faktor ini adalah pendidikan, asas agama yang baik, sokongan kawan-kawan dan penerimaan keluarga. Ketahanan diri yang baik ini telah membantu mereka untuk menjalani kehidupan dengan lebih sejahtera.

Asas pendidikan formal yang baik dipercayai dapat membantu seseorang untuk menjadi lebih matang serta lebih baik dalam pembuatan keputusan apabila dilanda masalah. Sebagai contoh, bersandarkan pendidikan formal yang telah diperolehi Nurul berupaya membentuk keupayaan diri untuk menapis maklumat yang diterima yang menjadikan dirinya seorang yang lebih matang, “Macam I, I akan dengar apa yang orang cakap... lepas tu I akan fikir, betul ke tak?” Faktor kedua yang dipersetujui semua ialah asas dan penghayatan agama yang baik. Para responden mengakui bahawa didikan awal agama dan fardu ain yang bermula dari peringkat kanak-kanak telah memudahkan penerimaan dan kefahaman di peringkat lebih tinggi. Asas agama yang baik ini telah menjadi benteng diri apabila berhadapan dengan pelbagai

cabaran seharian khususnya yang melibatkan konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual yang mereka alami. Tiara khususnya sering menggunakan konsep kematian untuk mengingatkan beliau agar tidak tersasar jauh dalam melakukan kemunggaran, “Macam I... I ingat gini ajelah... I ingat mati itu pasti. Cuma tak tahu bila. So, setiap kali nak melakukan sesuatu... kengkadang benda tu jugalah yang membuat kita terfikir agaknya bilalah terbuka pintu hati ni nak bertaubat...”

Faktor sokongan kawan-kawan pula didapati sebagai faktor ketiga yang bersifat melindungi para responden bila berhadapan dengan konflik. Kesemua responden sepakat menyatakan bahawa kawan amat penting dalam memberikan sokongan tatkala mereka berhadapan dengan konflik khususnya yang melibatkan identiti seksual mereka. Ini adalah kerana kawan-kawan turut melalui perkara yang sama dengan apa yang mereka sendiri alami sama ada secara bersemuka, melalui telefon mahupun menggunakan kemudahan internet seperti *facebook*. Faktor yang terakhir adalah penerimaan keluarga. Para responden turut sepakat bahawa penerimaan keluarga terhadap diri siapa diri mereka amat penting. Mereka menyatakan jika sifat lembut sudah sedia wujud dalam diri sejak kecil kebiasaannya keluarga akan menerima seadanya. “tu kadang-kadang bila ada orang mengata... lantaklah apa orang nak cakap, janji family terima...” (Nurul). Dalam masa yang sama para responden juga setuju sekiranya keluarga telah membuang seseorang, maka individu yang telah dibuang keluarga itu akan lebih terdedah kepada segala angkara yang bersangkutan dengan nilai-nilai moral dan agama. Sebagai contoh, mereka akan melakukan perkara-perkara haram tanpa ada sebarang rasa bersalah seperti meminum arak, memakan babi dan melakukan seks bebas tanpa had

Perbincangan

Kajian ini pada awalnya menjangkakan bahawa para responden akan berhadapan dengan konflik sehingga mengakibatkan simptom-simptom psikologikal terjadi tetapi ternyata jangkakan ini kurang tepat. Walaupun para responden akui mereka mengalami tekanan akibat daripada konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual namun mereka tidak terkesan secara psikologi sehingga ke tahap yang memudaratkan. Sebagai contoh, walaupun Nurul menyatakan persoalan bunuh diri pernah terlintas di fikiran akibat merasakan doanya tidak dengar oleh Allah namun peringatan oleh seorang ustaz agar terus berdoa dan bersolat dalam usaha memohon sesuatu telah dijadikan sandaran agar tidak mudah putus asa.

Selain itu, empat faktor pelindung yang ditemui dalam kajian ini iaitu pendidikan, asas agama yang baik, sokongan kawan-kawan dan penerimaan keluarga

telah dikenal pasti mempunyai persefahaman seiring konsep ketahanan diri. Seseorang yang mempunyai ketahanan diri yang baik bukan sahaja berupaya keluar daripada permasalahan yang dihadapi malah adakalanya mampu menjadi lebih baik daripada keadaan asal sebelum permasalahan tercetus. Oleh yang demikian konsep ketahanan diri ini amat penting untuk dipupuk supaya seseorang individu itu akan menjadi lebih mampan apabila berhadapan dengan setiap cabaran dalam kehidupan. Tidak dinafikan juga melalui asas agama yang baik telah berupaya membentuk ketahanan dalaman diri individu yang kuat agar dapat menepis dan mengharungi segala cabaran, dugaan serta konflik dengan baik. Dapatan ini selari dengan kajian Subhi dan Geelan (2012) yang mendapati bahawa kedua-dua komponen iaitu kepercayaan beragama dan identiti seksual adalah faktor penting dalam kehidupan seorang gay dan lesbian. Justeru apabila salah satu cuba ditinggalkan secara total ia akan menyebabkan kehidupan menjadi pincang dan tidak sempurna.

Implikasi dan saranan

Kajian ini telah menghasilkan beberapa implikasi dan saranan antaranya golongan yang mengidentifikasikan diri sebagai mak nyah sememangnya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran daripada masyarakat. Adakalanya mereka dicaci, dinafikan peluang dan dimanipulasi sewenangnya. Oleh yang demikian mereka ini disarankan agar mengambil peluang menimba ilmu setinggi yang mungkin agar dapat ‘berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah’ dengan orang lain. Ilmu pengetahuan juga dapat membantu seseorang berfikir dengan lebih matang dalam setiap aspek yang diceburi. Saranan: kaunselor dan imam/pentadbir agama perlu bersifat terbuka serta menerima tanpa syarat apabila ingin membantu golongan ini menimba ilmu. Penggunaan bahasa serta istilah khusus yang sering kali diguna pakai oleh golongan mak nyah serta mengguna pakai pendekatan bukan konvensional dalam mendekati golongan ini dilihat berupaya membawa kesan positif.

Implikasi kedua adalah faktor pelindung penting dalam mengawal tindak tanduk individu agar tidak terdedah kepada perkara-perkara yang boleh memudaratkan kehidupan. Dengan kata lain, lebih banyak faktor pelindung yang sedia ada untuk digunakan apabila berada dalam keadaan kesempitan maka lebih baiklah hasilnya nanti. Oleh itu, para mak nyah harus dimaklumi dan dibimbing berkenaan dengan faktor-faktor sekeliling tersebut baik secara formal mahupun tidak formal. Saranan memperkenalkan kelompok-kelompok sokong bantu melalui aktiviti santai seperti berkelah atau perkhemahan boleh dijadikan wadah bagi mengasah

pemikiran positif dalam diri para mak nyah. Selain itu, kaunselor dan iman/pentadbir agama juga boleh bertindak sebagai orang tengah dalam membantu menjernihkan salah tanggapan masyarakat terhadap mak nyah dan sebaliknya.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa kesemua responden ada mengalami konflik di antara kepercayaan Islam dan identiti seksual. Walau bagaimanapun tekanan daripada konflik ini tidak sampai ke tahap yang boleh mengakibatkan timbulnya simptom-simptom psikologikal yang boleh menggugat kesejahteraan diri. Selain itu, kajian ini telah menemui empat faktor pelindung iaitu pendidikan, asas agama yang baik, sokongan kawan-kawan dan penerimaan keluarga yang telah membentuk ketahanan diri dalaman para responden agar mampu bertindak mampan terhadap setiap cabaran serta konflik yang mendatang.

Rujukan

- Boyatzis, R. E. (1998). *Transforming qualitative information: Thematic analysis and code development*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in Psychology*, 3, 77-101.
- Henrickson, M. (2007). A queer kind of faith: Religion and spirituality in lesbian, gay and bisexual New Zealanders. *Aoteroa Ethnic Network Journal*, 2. Retrieved April 15, 2013, from <http://www.aen.org.nz/journal/2/2/AENJ.2.2.%20Hendricksen.pdf>.
- Kelleher, C. (2009). Minority stress and health : Implications for lesbian, gay, bisexual, transgender, and questioning (LGBTQ) young people. *Counselling Psychology Quarterly*, 22(4), 373-379.
- Kematian lelaki tukar jantina jadi iktibar. (2011, Julai). *Berita Harian*, 1-2.
- Malpas, J. (2011). Between pink and blue: A multi-dimensional family approach to gender nonconforming children and their families. *Family Process*, 50(4), 453-470.
- Norton, A.T., & Herek, G.M. (2012). Heterosexuals' attitudes toward transgender people : Findings from a national probability sample of U.S. adults. *Sex Roles*, 6 (1/2), 1-16.
- Mustanski, B. S., Garofalo, R., & Emerson, E. M. 2010. Mental health disorders, psychological distress, and suicidality in a diverse sample of lesbian, gay, bisexual, and transgender youths. *American Journal of Public Health*, 100(12), 2426-2432.

- Natasya belum terlambat berubah. (2011, September). *Berita Harian*, 6.
- Subhi, N., & Geelan, D. (2012). When Christianity and homosexuality collide: Understanding the potential intrapersonal conflict. *Journal of Homosexuality*, 59, 1382-1402.
- Subhi, N., Geelan, D., McMahon, M., Jusoff, K., Mohamad, M. S., Sarnon, N., et al. (2011). A better understanding of the potential conflict between Christianity and homosexuality. *World Applied Sciences Journal*, 12(Special Issue of Social and Psychological Sciences for Human Development), 13-19.